



**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN
TERENGGANU**

TINGKAT 7 DAN 11, WISMA DARUL IMAN
20576 KUALA TERENGGANU
TERENGGANU DARUL IMAN



Tel: 09-623 1957 samb 6335 - 6343 / 6411 - 6424
Faks: 09-622 9887 / 09-631 0078
Laman Web: <http://ptgweb.terengganu.gov.my>
Emel: ptgrg@terengganu.gov.my

Ruj. Kami : PTG.TR.BB/04/1995/03/02 (68)
Tarikh : 19 Disember 2021
Bersamaan : 14 Jamadilawal 1443H



Pengerusi,
Majlis Peguam,
Wisma Badan Peguam Malaysia,
2 Leboh Pasar Besar,
50050 Kuala Lumpur.



Tuan,

**PER : PERMOHONAN PENGEKUALIAN DARIPADA DENDA, LANJUTAN MASA
KEUTAMAAN JANJI TEMU DAN PERKARA LAIN BERKAITAN DENGAN
URUSAN DALAM TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN
(PKP)/PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD)**

Dengan segala hormatnya saya merujuk perkara tersebut di atas dan surat pihak
tuan dalam rujukan BC/PA/CPC/112/2021 bertarikh 16 Julai 2021 adalah berkaitan.

2. Sukacita dimaklumkan, Pentadbiran ini ingin merakamkan penghargaan dan
ucapan terima kasih terhadap keprihatinan dan kerjasama Badan Peguam Malaysia
terhadap usaha Pentadbiran ini dalam memudahkan urusan perkhidmatan kepada
para pelanggan dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)/Perintah
Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD). Pentadbiran ini juga telah mengambil
maklum terhadap cadangan dan permohonan tuan mengenai beberapa perkara
yang melibatkan urusan tanah khususnya di Negeri Terengganu.

...2/



20211228-019

PROFESIONAL, TOLERANSI DAN GEMILANG TERAS KEJAYAAN



Beautiful
Terengganu
Malaysia

- 2 -

3. Seterusnya untuk makluman tuan, Pentadbiran ini sentiasa prihatin terhadap masalah yang berbangkit akibat daripada penularan pandemik Covid-19 dan sentiasa berusaha untuk memudahkan urusan para pelanggan dalam masa yang sama perlu mematuhi keperluan Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah ditetapkan oleh pihak kerajaan. Antaranya adalah :-

- i) Inisiatif Kerajaan Negeri sewaktu PKP/PKPD

Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Fasa 1 :

- i) Pelanjutan Tempoh Notis Borang 5A dan 7G (Kanun Tanah Negara), selama 2 bulan selepas tamat tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)
- ii) Pelanjutan Tempoh Notis bayaran Kelulusan Pembangunan Tanah oleh Pentadbir Tanah Daerah selama 2 bulan selepas tamat tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)
- iii) Pelanjutan tempoh pengecualian denda lewat bagi mana-mana perserahan yang tamat semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) selama 2 bulan selepas tamat tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)
- iv) Pelanjutan tempoh bayaran cukai tanah tanpa denda sehingga 31 Julai 2020

Seterus pihak kerajaan negeri melanjutkan tempoh bagi urusan-urusan berikut sehingga 31 Disember 2020 kecuali bagi bayaran cukai tanah.

Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0 :

- i) Pelanjutan Tempoh Notis Borang 5A dan 7G (Kanun Tanah Negara), selama 1 bulan selepas tamat tempoh PKP/PKPD
- ii) Pelanjutan Tempoh Notis bayaran Kelulusan Pembangunan Tanah oleh Pentadbir Tanah Daerah selama 1 bulan selepas tamat tempoh PKP/PKPD
- iii) Pelanjutan tempoh pengecualian denda lewat bagi mana-mana perserahan yang tamat semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) selama 1 bulan selepas tamat tempoh PKP/PKPD

- 3 -

- iv) Pelanjutan tempoh bayaran cukai tanah tanpa denda sehingga 31 Ogos 2021

Seterus pihak kerajaan negeri melanjutkan tempoh bagi urusan-urusan berikut sehingga 31 Oktober 2021 kecuali bagi bayaran cukai tanah.

- ii) Denda lewat bagi kutipan hakmilik tidak dilaksanakan.
- iii) Tempoh sah laku carian rasmi adalah selama 6 bulan sahaja.
- iv) Surat kebenaran Pindahmilik/Gadaian/Pajakan tiada tempoh ditetapkan.
- v) Lelongan awam dan siasatan hakmilik hilang ditangguhkan dalam tempoh PKP/PKPD.
- vi) Bicara di bawah Akta Harta Pusaka Kecil 1955 adalah dibawah bidang kuasa Bahagian Pembahagian Pusaka JKPTG. Walaubagaimana pun, Pentadbiran ini telah menerima surat penangguhan bicara sewaktu PKP/PKPD yang telah dikeluarkan oleh pihak JKPTG.

4. Selanjutnya, sukacita juga ingin memaklumkan, Negeri Terengganu sedang kearah Pelaksanaan Sistem e-Tanah dan masih di peringkat semakan perjanjian oleh pihak Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan (JKPTG) dan *Attorney General of Malaysia* (AG). Pentadbiran ini berlapang dada sekiranya pihak tuan dapat memberikan pandangan dan idea yang boleh membantu Pentadbiran ini dalam melancarkan urusan-urusan hartanah di negeri ini. Selain itu, bagi memastikan segala urusan tanah di Negeri Terengganu berjalan dengan lancar dan

- 4 -

seragam, Pentadbiran ini juga sentiasa bekerjasama dengan Pentadbir Tanah Daerah dan segala urusan tanah akan diselaraskan dalam Mesyuarat Pentadbir-Pentadbir Tanah Daerah yang akan dipengerusikan oleh Pengarah Tanah dan Galian Terengganu.

5. Segala kerjasama daripada pihak Majlis Peguam Malaysia amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

“TERENGGANU MAJU, BERKAT, SEJAHTERA”
“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah

(WAN KHALID BIN WAN JUSOH)

Timbalan Pengarah Tanah dan Galian (Pendaftaran)

b.p. Pengarah Tanah dan Galian
Terengganu

s.k

Terengganu Bar Committee
Bar Room, 5th Floor, Court Complex
Jalan Sultan Mohamad
21100 Kuala Terengganu
Terengganu

Fail Timbul



: 09-623 1957, ext 6417
: rusni@terengganu.gov.my